

Tun M, Anwar diminta tak perjudikan nasib rakyat

BH - 17/12/2020 ml: 9

Ketepi perbezaan politik, bantu kerajaan makmurkan negara ketika berdepan wabak

Oleh Muhammad Yusri Muzamir
yusri.muzamir@bh.com.my

Kuala Lumpur: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dan Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim perlu mengetepikan perbezaan politik demi kemakmuran dan kelangsungan rakyat berdepan pandemik COVID-19.

Penganalisis politik dari Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof Madya Dr Rusdi Omar, berkata kedua-dua figura politik tanah air itu sebaliknya perlu mengembleng tenaga dan membantu kerajaan memperkukuhkan masa depan rakyat.

Beliau antara lain menyifatkan usaha Dr Mahathir dan Anwar menolak pembentangan Belanjaan 2021 di Dewan Rakyat se-

bagai tidak tepat dan hanya meletakkan kepentingan peribadi mengatasi keperluan umum.

“Kedua-dua pemimpin ini, termasuk Ahli Parlimen Gua Musang, Tengku Razaleigh Hamzah perlu maju ke depan dan fikirkan kesan akan menimpa rakyat jika nasib mereka terabai.

“Rasa tidak puas hati itu normal kerana dalam politik memang akan ada pihak yang sokong dan bangkang, tetapi jangan sampai memperjudikan nasib rakyat.

“Ia perlu dibincang dan diselesaikan dengan cara baik, mereka perlu fikir masa depan negara.

“Semua ahli politik perlu duduk semeja dan berunding untuk mencari titik persamaan dalam memastikan kebajikan rakyat sentiasa terjamin, khususnya ketika negara sedang berdepan saat getir ini,” katanya ketika dihubungi *BH*, semalam.

Beliau mengulas kegagalan Dr Mahathir dan Anwar menjatuhkan kerajaan Perikatan Nasional (PN) menerusi undi belah bahagian ketika bacaan kali ketiga Rang Undang-Undang (RUU) Perbekalan 2021 di Dewan Rakyat, semalam, menyaksikan 111 wakil rakyat menyokong, 108 menolak dan seorang tidak hadir.

Isnin lalu, Dr Mahathir pada



Semua ahli politik perlu duduk semeja dan berunding cari titik persamaan dalam memastikan kebajikan rakyat sentiasa terjamin, khususnya ketika negara sedang berdepan saat getir ini.

Rusdi Omar,
Penganalisis politik UUM

sidang media bersama Tengku Razaleigh membayangkan jika RUU Perbekalan 2021 bacaan kali ketiga gagal diluluskan Dewan

Rakyat, kerajaan sedia ada mungkin hilang sokongan majoriti Ahli Parlimen.

Mengulas cadangan Ahli Majlis Tertinggi UMNO, Datuk Dr Mohd Puad Zarkashi, Rusdi tidak menolak kemungkinan kerjasama terjalin antara UMNO dan DAP, jika ia mampu memberi kebaikan bersama kepada rakyat pelbagai kaum di negara ini.

Beliau berkata, kedua-dua pihak perlu berfikiran matang dan terbuka, selain meletakkan kepentingan rakyat mengatasi agenda peribadi pihak tertentu.

“Tidak mustahil dua parti ini bekerjasama, cuma masalahnya adalah persepsi rakyat, terutama masyarakat Melayu yang melihat DAP sebagai parti rasis dan kaum Cina juga berpandangan sama terhadap UMNO.

“Kedua-dua pihak perlu lihat kerjasama dari segi positif. Dasar politik contohnya ‘no DAP, no Anwar’ itu boleh berubah ikut kelangsungan parti.

“Bagaimanapun, selepas Belanjaan 2021 diluluskan, saya tak nampak UMNO, PAS dan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU) tidak boleh bekerjasama untuk rakyat, seiring rakan komponen daripada parti bukan Melayu lain dalam PN,” katanya.